



**YANG AMAT BERHORMAT
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DATU' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**

Saya mengucapkan tahniah kepada Kumpulan Inchcape di atas perayaan Hari Ulangtahun Ke 25 Land-Rover/Inchcape di Malaysia.

Pencapaian yang diperolehi selama ini serta ikatan yang wujud sejak tahun 1955 lagi diantara pehak tempatan iaitu Inchcape dengan pehak Land-Rover, United Kingdom, bolehlah dijadikan panduan untuk kemajuan syarikat di masa hadapan. Ianya juga dapat digunakan dalam membantu pencapaian hasrat Kerajaan untuk memberi peluang kepada Bumiputra di dalam industri ini.

Usaha-usaha ke arah pelaksanaan dasar "mandatory deletion" bagi kenderaan model Land-Rover adalah merupakan suatu usaha yang baik.

Saya berharap perayaan Ulangtahun Ke 25 ini akan terus menjadi landasan yang akan membawa kepada kejayaan di dalam lapangan yang diceburi ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

A handwritten signature in black ink, appearing to be the name 'Mahathir', written in a cursive style. The signature is located at the bottom of the page, below the typed text.